

PRIVACY NOTICE

The Personal Data Protection Act 2010 was introduced by the Government to regulate the processing of personal data in commercial transactions. The Act, which applies to all companies and firms that are established in Malaysia, requires us to inform you of your rights in respect of your personal data that is being processed or that is to be collected and further processed by us and the purposes for the data processing. Astro Radio Sdn Bhd (“we”, “us” or “our” or “Astro Radio”) is committed to the protection of your personal data. This Privacy Notice explains how Astro Radio collects and processes your personal data in accordance with the Act.

Please be informed that your personal data and other information (collectively, "Personal Data") provided to Astro Radio may be used and processed by Astro Radio for the following purposes:

- assessing your application for, and administering your participation in the programme and/or contest organized and/or produced by Astro Radio, its related corporations or business partners;
- to establish your identity and background for the use of the Syok website and/or Syok Application (“App”);
- to communicate with, and provide services to you;
- to process your payment transactions;
- to respond to your inquiries;
- to conduct internal activities;
- internal investigations, compliance, audit or security purposes including, without limitation, crime detection, prevention and prosecution;
- market surveys and trend analysis;
- to provide you with information on products and services of Astro Radio, its related corporations and business partners;
- other legitimate business activities of Astro Radio;
- such other purposes as set out in the Contest Terms and Conditions; and/or
- if relevant, such other purposes as set out in the General Terms and Conditions of Use and, if applicable, the Privacy Policy.

(collectively "Purposes").

Further, please be informed that if required for any of the foregoing Purposes, your Personal Data may be transferred to locations outside Malaysia or disclosed to our related corporations, licensees, business partners and/or service providers, who may be located within or outside Malaysia. Save for the foregoing, your Personal Data will not be knowingly transferred to any place outside Malaysia or be knowingly disclosed to any third party.

Astro Radio maintains your Personal Data in our business records while you remain a user of any of our products and/or services or a user of the Syok website and/or Syok App. We also maintain your Personal Data for a period of time after you are no longer a user of any of our products and/or services or a user of the Syok website and/or Syok app if the Personal Data is necessary for the Purposes for which the Personal Data was collected or to fulfil legal requirements.

In order to process your Personal Data, your consent is required. In most instances, it is necessary for us to process your Personal Data in order to provide the service that you had requested for. If you do not consent, we cannot process your Personal Data for any of the above

Purposes and we will not be able to consider your application for participation in the programme and/or contest. However, you may limit the processing of your Personal Data in the manner described in the paragraph below.

In relation to direct marketing, you may request Astro Radio by written notice (in accordance with the following paragraph) not to process your Personal Data for any of the following Purposes: (i) advertising or marketing via phone any product or service of Astro Radio, its related corporations or business partners, (ii) sending to you via post any advertising or marketing material relating to any product or service of Astro Radio, its related corporations or business partners; (iii) sending to you via email or SMS any advertising or marketing material relating to any product or service of Astro Radio, its related corporations or business partners, or (iv) communicating to you by whatever means any advertising or marketing material of Astro Radio its related corporations or business partners.

You may at any time hereafter make inquiries, complaints and upon payment of a prescribed fee, request in writing for access to, or correction of, your Personal Data or limit the processing of your Personal Data (as described above) by submitting such request to the Personal Data Protection Officer of Astro Radio via registered post or (if you are also a subscriber to Astro Pay-TV services) email (which must be sent from the email address registered with Measat Broadcast Network Services Sdn Bhd) as set out below.

Postal address :

Personal Data Protection Officer
Astro Radio Sdn Bhd
Peti Surat 10148
50710 Kuala Lumpur

Email address:

pdpo@astro.com.my

Telephone number:

03 9543 3838

If you are a past subscriber, customer or user of any of our products and/or services, kindly be informed that we will continue to process your Personal Data in accordance with this Privacy Notice unless we hear otherwise from you. You may exercise your rights in respect of your Personal Data in the manner described above.

You represent and warrant that you have obtained the consent of third parties (e.g. family members) whose personal data you have provided in the contestant application form to allow Astro Radio to process the said personal data for the Purposes. If you are below the age of 18, your parent/legal guardian is required to provide consent on your behalf.

This Privacy Notice may be amended at any time from time to time. Any amendment to this Privacy Notice shall be published on the Syok website and/or Syok App or by other means as we deem fit. Your continued usage of any of our products and/or services of the Syok website and/or Syok App shall be deemed to be your agreement to the said amendment of this Privacy Notice.

NOTIS PRIVASI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan untuk mengawal selia pemprosesan data dalam transaksi komersial. Akta ini, yang merangkumi semua syarikat-syarikat dan firma-firma yang ditubuhkan di Malaysia, mewajibkan kami memaklumkan anda berkenaan hak-hak anda berkaitan data peribadi anda yang sedang diproses atau yang akan dikumpulkan dan yang akan diproses oleh pihak kami serta maksud-maksud bagi pemprosesan data tersebut. Astro Radio Sendirian Berhad (“kami” atau “Astro”) berkesungguhan terhadap pengawalan data peribadi anda. Notis Privasi ini menjelaskan bagaimana Astro Radio mengumpul dan memproses data peribadi anda selaras dengan Akta berkenaan.

Sila ambil maklum bahawa data peribadi dan maklumat selainnya (secara keseluruhan, “Data Peribadi”) yang anda berikan atau telah berikan kepada Astro Radio bakal digunakan dan diproses oleh pihak kami bagi maksud-maksud berikut:-

- untuk mempertimbangkan permintaan anda, dan mentadbir penyertaan anda di dalam program-program dan/atau pertandingan-pertandingan yang dianjurkan dan/atau dihasilkan oleh Astro Radio, dan syarikat-syarikat berkaitan atau rakan-rakan perniagaan Astro Radio;
- untuk memastikan identiti dan latarbelakang anda bagi penggunaan laman web Syok dan/atau Aplikasi (“App”) Syok;
- untuk berhubung dengan, dan memberi khidmat kepada anda;
- untuk memproses transaksi-transaksi pembayaran;
- untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan anda;
- untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan dalaman;
- penyiasatan dalaman, pematuhan, audit atau tujuan-tujuan keselamatan termasuk, tanpa had, pengesanan jenayah, penghindaran jenayah dan pendakwaan;
- tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan;
- untuk memberi anda maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Astro Radio, dan syarikat-syarikat berkaitan atau rakan-rakan perniagaan Astro Radio;
- kegiatan-kegiatan perniagaan Astro Radio selainnya yang sah;
- maksud-maksud selainnya seperti yang termaktub di dalam Terma-Terma Penggunaan Pertandingan; dan/atau
- jika relevan, maksud-maksud selainnya seperti yang termaktub di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Penggunaan Am dan, jika terpakai, Polisi Privasi.

(secara keseluruhan, "Maksud-Maksud")

Seterusnya, sila maklum bahawa sekiranya diperlukan bagi mana-mana Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda mungkin dihantar ke lokasi-lokasi di luar Malaysia atau dizahirkan kepada syarikat-syarikat berkaitan, pemegang lesen, rakan perniagaan dan/atau pemberi khidmat kami, yang mungkin berada di dalam atau luar Malaysia. Selain dari yang dinyatakan di sini, Data Peribadi anda tidak akan, dengan sedarinya, dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau dizahirkan ke mana-mana pihak ketiga.

Kumpulan Astro Malaysia menyimpan Data Peribadi anda di dalam rekod perniagaan kami selagi anda seorang pengguna apa-apa produk dan/atau perkhidmatan laman web Syok dan/atau App Syok. Kami juga menyimpan Data Peribadi anda untuk jangkamasa tertentu selepas anda tidak lagi seorang pengguna apa-apa produk dan/atau perkhidmatan laman web Syok dan/atau App Syok sekiranya Data Peribadi berkenaan diperlukan untuk Maksud-Maksud Data Peribadi berkenaan dikumpul dan/atau bagi memenuhi kehendak undang-undang.

Untuk memproses Data Peribadi anda, persetujuan anda diperlukan. Di dalam kebanyakan situasi, adalah menjadi keperluan bagi kami untuk memproses Data Peribadi anda untuk menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh anda. Jikalau anda tidak bersetuju, kami tidak dapat memproses Data Peribadi anda untuk tujuan mana-mana Maksud-Maksud di atas dan tidak dapat mempertimbangkan permohonan anda untuk menyertai program dan/atau pertandingan. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, anda boleh berbuat demikian seperti yang dinyatakan di dalam perenggan di bawah.

Sehubungan dengan pemasaran langsung, anda boleh meminta Astro Radio melalui notis bertulis (seperti yang diperuntukkan di dalam perenggan seterusnya) untuk tidak memproses Data Peribadi anda bagi mana-mana maksud-maksud berikut: (i) pengiklanan atau pemasaran menerusi telefon produk atau perkhidmatan Astro Radio, syarikat-syarikat yang berkaitan atau rakan-rakan perniagaan kami, (ii) mengirim kepada anda menerusi pos bahan pengiklanan atau pemasaran Astro Malaysia, syarikat-syarikat yang berkaitan atau rakan-rakan perniagaan kami, (iii) menghantar menerusi emel atau sistem pesanan ringkas (SMS) bahan pengiklanan atau pemasaran Astro Radio, syarikat-syarikat yang berkaitan atau rakan-rakan perniagaan kami; atau (iv) berkomunikasi dengan anda menerusi apa cara sekali pun apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran Astro Radio, syarikat-syarikat yang berkaitan atau rakan-rakan perniagaan kami.

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini mengemukakan pertanyaan, aduan dan tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan, meminta secara bertulis, akses kepada, dan pembetulan terhadap, Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan di perenggan di atas dengan menghantar permintaan berkenaan kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi menerusi pos berdaftar atau (sekiranya anda juga seorang pelanggan perkhidmatan TV berbayar Astro) emel (yang perlu dikirimkan daripada alamat emel yang telah didaftarkan dengan Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd) seperti yang dinyatakan di bawah:

Alamat Pos:

Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Astro Radio Sdn Bhd
Peti Surat 10148
50710 Kuala Lumpur

Alamat emel:

pdpo@astro.com.my

Nombor telefon:

03 9543 3838

Jika anda seorang bekas pelanggan atau bekas pengguna apa-apa produk dan/atau perkhidmatan kami, harap maklum bahawa kami akan terus memproses Data Peribadi anda sebagaimana dinyatakan di dalam Notis Privasi ini melainkan jika kami menerima bantahan anda. Anda boleh melaksanakan hak-hak anda berkenaan dengan Data Peribadi anda sepertimana dinyatakan di atas.

Anda membuat representasi dan menjamin bahawa anda telah memperolehi persetujuan pihak-pihak ketiga (contohnya ahli-ahli keluarga) yang data peribadi anda telah memberikan di dalam borang permohonan pertandingan untuk membenarkan Astro Radio memproses data peribadi tersebut untuk Maksud-Maksud di atas. Jika anda adalah di bawah umur 18 tahun, ibu bapa/penjaga sah anda mesti memberikan persetujuan bagi pihak anda.

Notis Privasi ini mungkin dipinda pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan akan dinyatakan di dalam laman web Syok dan/atau App Syok atau menerusi kaedah lain yang kami anggap sesuai. Penggunaan berterusan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan kami dan/atau laman web Syok dan/atau App Syok akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap pindaan tersebut.